

SERTAI BARISAN NASIONAL

PM sah terima

permohonan PBS

Perkhidmatan

KUALA LUMPUR, Ahad — Perdana Menteri mengesahkan ada menerima permohonan rasmi PBS untuk menyertai Barisan Nasional sewaktu musim pilihanraya negeri itu pada 5 dan 6 Mei lalu.

Bagaimanapun, Datuk Seri Dr Mahathir berkata surat permohonan itu tidak diserahkan sendiri kepadanya. Beliau tidak memberitahu siapakah yang menerima surat berkenaan.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas laporan dari Sabah yang memetik salah seorang pemimpin PBS sebagai berkata bahawa surat permohonan parti itu menyertai BN sudah diserahkan sendiri kepada Perdana Menteri sebelum pilihanraya Sabah lalu.

Bercakap dengan pemberita selepas berbuka puasa di Pusat Latihan Polis di sini Perdana Menteri bagaimanapun tidak memberitahu perkembangan lanjut mengenai permohonan PBS itu.

Sebelum ini, Setiausaha Agung Barisan Nasional, Encik Ghafar Baba, berkata beliau belum melihat surat permohonan rasmi PBS untuk menyertai BN.

Mengenai laporan akhbar yang mengatakan bahawa Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan, Datuk Ishak Tadin dijangka dilantik sebagai Ketua Audit Negara yang baru, Datuk Seri Dr Mahathir, berkata ia belum ditetapkan.

Menurut beliau, pihaknya sedang meneliti beberapa nama yang dicadangkan mengisi jawatan yang dikosongkan oleh Tan Sri Ahmad Noordin sesudah tamat tempoh perkhidmatannya. Yang di-Pertuan Agong bagaimanapun belum membuat perlantikan.

Perdana Menteri juga menafikan laporan akhbar dari Singapura yang mengatakan beliau akan ke Tokyo untuk berbincang dengan Kerajaan Jepun mengenai masalah kenaikan nilai yen berbanding ringgit dan pelbagai masalah ekonomi dan politik.

Mengulas laporan yang menyebut bahawa Barisan Pembebasan Kebangsaan Moro (MNLF) sudah menubuhkan sebuah markas di sebuah pulau tidak jauh dari Sandakan, Datuk Seri Dr Mahathir, berkata beliau tidak tahu menahu mengenainya.

Laporan yang dikutip dari Brunei itu memetik seorang pegawai tinggi kerajaan Sabah sebagai berkata, Kerajaan Pusat mungkin tahu mengenai perkembangan itu, tetapi sengaja tidak mengambil peduli.